



SIARAN MEDIA

RM430.26 JUTA PERUNTUKAN KPKT PACU KESEJAHTERAAN DAN KELESTARIAN NEGERI SEMBILAN DALAM TEMPOH 4 TAHUN

SEREMBAN, 11 Julai 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyalurkan peruntukan **berjumlah RM430.26 juta kepada Negeri Sembilan** bagi melaksanakan **80 projek pembangunan utama** yang merangkumi pelbagai subprojek dan komponen pelaksanaan bagi tempoh 2023 hingga 2026.

Sebanyak **RM119.6 juta** telah diperuntukkan untuk tempoh Rolling Plan 1 (RP1) **Tahun 2026** demi memperkukuh pembangunan perumahan, kemudahan awam dan kesejahteraan rakyat. Peruntukan tersebut diumumkan sempena **Lawatan Kerja Rasmi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming ke Negeri Sembilan** menerusi siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT 4.0 yang berlangsung pada 11 Julai 2026.

Simbolik penyerahan peruntukan telah disempurnakan kepada EXCO Kerajaan Negeri Sembilan, YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan selaku wakil Kerajaan Negeri Sembilan. Sebanyak RM115.5 juta daripada peruntukan tahun 2026 tersebut diserahkan melalui gimik mock cheque bagi membiayai Projek Pembangunan KPKT yang diluluskan dalam tempoh RP1, manakala baki RM4.05 juta merupakan peruntukan tambahan yang disalurkan khusus untuk memacu agenda pembangunan perbandaran Negeri Sembilan.

Dana tambahan ini merangkumi pembiayaan bagi Kajian Rancangan Pemajuan Negeri Sembilan 2025-2026 bernilai RM3 juta, inisiatif Program Bandar Selamat berjumlah RM750 ribu serta Program Bandar Pintar yang berjumlah RM300 ribu.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming, “Peruntukan yang disalurkan adalah bukti komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan rakyat Negeri Sembilan menikmati akses kepada perumahan yang berkualiti, kemudahan awam yang selesa serta persekitaran kehidupan yang lebih mampan dan sejahtera”.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebahagian besar peruntukan disalurkan khusus untuk memperkukuh **agenda perumahan rakyat** melalui pembangunan Program Residensi Rakyat (PRR) dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) serta agenda penyelenggaraan perumahan strata di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP).

Peruntukan turut difokuskan kepada agenda kelestarian persekitaran melalui pengurusan sisa pepejal secara mampan. KPKT turut memperuntukkan dana bagi pemerkasaan pembangunan kemudahan awam, merangkumi usaha menaik taraf pasar, gerai dan dewan masyarakat demi merancakkan sosioekonomi setempat.

Bagi melengkapkan ekosistem kesejahteraan, KPKT juga tidak mengabaikan aspek keselamatan komuniti menerusi pembinaan balai bomba baharu, pembangunan bandar dan desa termasuk projek Kampung Baru serta inisiatif kesejahteraan masyarakat melalui penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Kesemua inisiatif ini memberi manfaat secara langsung kepada kemakmuran rakyat di Negeri Sembilan.

Sepanjang lawatan kerja ini, YB Tuan Nga Kor Ming turut meninjau pelbagai projek pembangunan dan kemudahan awam di beberapa daerah. Di daerah Jempol, beliau meninjau projek membaik pulih Medan Niaga Bahau, Program Baik Pulih Rumah di Bandar (PBPR) di Taman Cempaka dan pembinaan kemudahan Rekreasi MADANI di Taman Awam Bandar Seri Jempol.

Lawatan kerja tersebut diteruskan ke daerah Jelevu yang melibatkan projek menaik taraf gerai Majlis Daerah Jelevu di Durian Tipus serta dewan terbuka gelanggang bola keranjang di Kampung Baru Sungai Muntoh. Seterusnya, program di daerah Seremban diisi dengan Majlis Penyerahan Peruntukan Penyelenggaraan kepada 24 RIBI bertempat di Seremban Baptist Church.

Siri lawatan kerja ini berakhir di daerah yang sama dengan tinjauan ke projek di bawah TPPM yang melibatkan kerja mengecat Rumah Pangsa Lobak serta penggantian lif di Apartment Casa Prima.

YB Tuan Nga Kor Ming menegaskan, “KPKT akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama Kerajaan Negeri Sembilan dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan setiap projek dilaksanakan secara cekap, telus dan berimpak tinggi demi manfaat rakyat”.

Butiran terperinci peruntukan Program Pembangunan KPKT RMKe-13 RP1 Tahun 2026 bagi Negeri Sembila adalah seperti di Lampiran A.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh :

Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my



**PERUNTUKAN PROGRAM PEMBANGUNAN KPKT RMKe-13 RP1 TAHUN 2026
BAGI NEGERI SEMBILAN**

JUMLAH KESELURUHAN: RM115,544,770.50

(tidak termasuk peruntukan tambahan)

BIL	JABATAN / AGENSI	PERUNTUKAN (RM)
1	Bahagian Perumahan (BR)	15,300,000.00
2	Jabatan Perumahan Negara (JPN)	4,676,100.00
3	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	1,568,000.00
4	Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)	26,834,860.00
5	Jabatan Landskap Negara (JLN)	2,150,000.00
6	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)	3,150,000.00
7	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)	943,350.00
8	Bahagian Kesejahteraan Komuniti (BSK)	3,739,460.50
9	Bahagian Kampung Baru (BKB)	4,500,000.00
10	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	29,643,000.00
11	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	23,040,000.00

PROJEK DAN INISIATIF UTAMA

Perumahan

- Program Perumahan Rakyat (PPR)
- Program Residensi Rakyat (PRR)
- Program Penyenggaraan Perumahan (PPP)
- Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM)
- Program Rumah Mesra Rakyat

Infrastruktur dan Kemudahan Awam

- Pembinaan Pasar Baru Ampangan, Seremban dan Pasar Besar Kuala Pilah
- Pembinaan Dewan Masyarakat Nilai Impian, Nilai
- Pembinaan Gerai Simpang Empat Bandar Seri Jempol, Jempol
- Projek Pembangunan di PBT Negeri Sembilan
- Pembinaan Gerai MADANI
- Naik Taraf Pasar Awam MADANI
- Pengukuhan cerun di kawasan PBT
- Naik taraf sistem perparitan dan longkang
- Penyelenggaraan Tandas Awam BMW

Keselamatan Awam

- Naik taraf Balai Bomba Dan Penyelamat Palong 6
- Pembangunan Balai Bomba Dan Penyelamat Bandar Enstek
- Pembinaan Semula Balai Bomba Dan Penyelamat Kuala Pilah

Kesejahteraan Komuniti

- Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)
- Program Baik Pulih Rumah di Bandar
- Program Bina Baharu Rumah di Bandar
- Projek Pembangunan Kampung Baru

Kelestarian dan Perancangan Bandar

- Pembinaan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Tampin
- Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kampung Keru, Tampin
- Kajian Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2040 (Kajian Semula)
- Pengoperasian Tapak Pelupusan Sanitari Sisa Pepejal Ladang Tanah Merah